

## Sejarah Pemikiran Jema'ah Al-Quran Malaysia: Suatu Penilaian terhadap Risalah Siaran Iqra' dari Tahun 1993-an hingga Tahun 1995-an

Intellectual History of Jema'ah Al-Quran Malaysia: An Assessment towards Risalah Siaran Iqra' from Year 1993 to 1995

MD HASRI RAJALI

### ABSTRAK

*Abad ke-20 merupakan abad munculnya pelbagai pemikiran dan aliran dalam kalangan umat Islam. Hal ini disebabkan oleh tekanan Barat dalam pelbagai bentuk seperti cabaran Kolonialisme, Zionisme, Kristianisme dan Orientalisme. Ini telah mewujudkan budaya al-ghazw al-fikr atau penjajahan pemikiran dalam kalangan umat Islam. Malangnya, sebahagian sarjana Islam menyalah anggap bahawa idea-idea Barat seperti intelektualisme dan rasionalisme merupakan suatu penyakit besar kepada umat Islam. Padahal dasar intelektualisme dan rasionalisme itu sebenarnya sejak asalnya dibawa oleh Islam khususnya pada zaman Abbasiyah lagi. Buktinya, zaman Abbasiyah itu digelar sebagai zaman keemasan Islam sehinggakan ia menjadi pusat intelektualisme dan rasionalisme yang didatangi oleh sarjana seantero dunia. Oleh itu, kemunculan Jema'ah Al-Quran Malaysia (JAM) pada tahun 1995 sebenarnya berusaha untuk mengembalikan masyarakat Melayu Islam kembali berfikir seperti masyarakat yang gemilang pada zaman Abbasiyah dahulu. Dengan usaha pengembalian berfikir ini, wujudlah Siaran Iqra' yang bertindak sebagai lidah rasmi JAM pada ketika itu. Malangnya, Siaran Iqra' tidak dapat bertahan lama, lalu terkubur bersama-sama dengan JAM yang hanya bertahan dari tahun 1993 hingga tahun 1995.*

*Kata kunci: Penjajahan pemikiran; intelektualisme; rasionalisme; Jema'ah Al-Quran Malaysia; siaran Iqra'*

### ABSTRACT

*The 20th century was the century of the emergence of various ideas and trends among Muslims. This is due to Western pressure in various forms such as the challenges of Colonialism, Zionism, Christianity and Orientalism. This has created a culture of al-ghazw al-fikr or colonization of the Muslim mind. Unfortunately, some Islamic scholars' misunderstood the Western ideas on intellectualism and rationalism a plague for the Muslims. Although intellectualism and rationalism was in fact brought by Islam, especially during the Abbasid era. The Abbasid era was known as the golden age of Islam became the center of intellectualism and rationalism attended by scholars around the world. Thus, the emergence of Jema'ah Al-Quran Malaysia (JAM) in 1995 actually seeks to restore the Islamic community as the glorious days of the Abbasid. In order to equip this effort, there is the Siaran Iqra', which acts as the official journal JAM at that time. Unfortunately, Siaran Iqra' cannot last long, and were buried together with JAM, which only lasted from 1993 to 1995.*

*Keynotes: Colonization of the Muslim mind; intellectualism; rationalism; Jema'ah Al-Quran Malaysia; siaran Iqra'*

### PENDAHULUAN

Kemunculan penjajahan kolonial British di Tanah Melayu dengan bermulanya di negeri-negeri Selat pada abad ke-18 dan ke-19, manakala bagi negeri-negeri Melayu yang lain pada abad ke-19 dan ke-20. Maka, di sinilah bermulanya era baharu dalam sejarah pemikiran umat Islam di Tanah Melayu. Ini ditambah dengan unsur modenisasi yang dibawa oleh kolonialisme Barat menyebabkan munculnya pemikir-pemikir aliran modenisme di Tanah Melayu pada waktu itu.

“...Walaupun tidaklah boleh didakwa yang pihak kolonial bertanggungjawab secara langsung dalam perkembangan aliran ini (modenisme)...aliran ini memang berkait rapat dengan cabaran kolonialisme...”<sup>1</sup>

Ini bermakna bahawa aliran modenisme<sup>2</sup> ini muncul untuk menghadapi cabaran-cabaran daripada kolonialisme. Buktinya, wujudlah pelbagai persatuan-persatuan dan kelab-kelab<sup>3</sup> yang bertindak untuk membangunkan pemikiran umat Islam di Tanah Melayu pada ketika itu. Namun begitu, akhir abad-20 pemikiran modenisme ini tetap muncul dalam memberikan kepelbagaian alternatif

kepada umat Islam untuk menilai semula erti Islam. Kesuburan rasionalisme dan intelektualisme yang dibawa oleh aliran modenisme ini mula menular kebanyakan di kawasan pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Oleh itu, mereka sedaya upaya untuk mencuba mengembang luaskan pemikiran pembaharuan mereka dengan segala keterbatasan yang ada.

Salah satu pergerakan yang mendelegasikan pemikiran modenisme ini pada akhir abad ke-20 ini ialah Jema'ah Al-Quran Malaysia. Idea penubuhan Jema'ah Al-Quran Malaysia ini dibawa oleh Kassim Ahmad pada 16 Mei 1993 di Rumah Persatuan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.<sup>4</sup> Namun begitu, secara rasminya penubuhan Jema'ah Al-Quran Malaysia bermula pada 11 Jun 1995 bersamaan 1 Muharam 1416 Hijrah bertempat di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur melalui hasil Mesyuarat Penubuhan Jema'ah Al-Quran Malaysia.<sup>5</sup> Jema'ah Al-Quran Malaysia pada dasarnya bertujuan untuk menyeru manusia berpegang kembali kepada ajaran tuhan yakni al-Quran.<sup>6</sup> Penyebaran idealisme Jema'ah Al-Quran Malaysia dengan melahirkan risalah Siaran Iqra' bagi meningkatkan kefahaman masyarakat awam terhadap ajaran al-Quran. Nama "Iqra'" ini dipilih berdasarkan kepada Surah al-Alaq<sup>7</sup> yakni wahyu pertama yang diturunkan kepada umat Islam. Secara umumnya, surah ini ditafsirkan untuk menggalakkan umat manusia supaya membaca dan mengkaji al-Quran secara saintifik. Maka, timbullah idea penamaan risalah bagi Jema'ah Al-Quran Malaysia yang lahir pada bulan Julai 1993 bersamaan dengan bulan Muharam 1414 Hijrah.<sup>8</sup>

Risalah Siaran Iqra' ini berjaya diterbitkan sebanyak enam helai yang mengandungi tiga jilid. Jilid yang pertama mengandungi bilangan satu sahaja; Jilid kedua mengandungi bilangan satu dan bilangan dua; manakala jilid ketiga mengandungi bilangan satu, bilangan dua dan bilangan tiga. Setiap jilid menggunakan kertas bersaiz A4 yang mengandungi pelbagai info dan maklumat yang memerihalkan isu-isu kontemporari umat Islam. Malangnya, risalah Siaran Iqra' ini menerbitkan jilid yang terakhir yakni Jilid Ketiga Bilangan Ketiga pada bulan Jun 1995 bersamaan dengan Muharam 1416 Hijrah. Kekurangan tenaga penulisan dan juga kekangan kewangan merupakan salah satu faktor penyebab berakhir penerbitannya.<sup>9</sup> Selain daripada itu, penubuhan Jema'ah Al-Quran Malaysia dan penyebaran Siaran Iqra' telah pun difatwakan sesat dan bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah

Wal Jamaah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1 Januari 1970.<sup>10</sup> Ini termasuklah individu yang bergerak sefahaman Kassim Ahmad seperti Othman Ali yang pernah menterjemah al-Quran yang diberikan nama *Bacaan*, turut mengundang kontroversi pada tahun 1995-an.<sup>11</sup>

JAM perlu ditolak kerana ia menggugat keselamatan umat, kestabilan politik dan keamanan negara sementara Bacaan pula mengandungi terjemahan yang mengelirukan, meragukan dan menyesatkan<sup>12</sup>

Secara tidak langsung, Kassim Ahmad selaku pengarang Siaran Iqra' juga diletakkan status murtad termasuklah pengikut dan penyokong Jema'ah Al-Quran Malaysia, malah boleh dihukum bunuh.<sup>13</sup> Bukan sahaja Kassim Ahmad bahkan ini menyebabkan Jema'ah Al-Quran Malaysia sukar mendekati masyarakat setempat.

Kassim Ahmad bukan nama yang asing dalam dunia intelektual di Malaysia. Beliau juga turut memiliki pemikiran yang tajam dalam pelbagai sudut bidang ilmu antaranya ilmu politik, sastera, agama, dan falsafah, bahkan berperanan sebagai pengkritik sosial. Pada mulanya bergiat aktif dalam dunia politik sejak zaman universiti dengan memegang jawatan penting dalam Kelab Sosialis Universiti Malaya.<sup>14</sup> Pada ketika itu beliau menjadikan ideologi sosialisme-saintifik sebagai pegangan politiknya sehinggalah pada tahun 1980-an. Hal ini kerana pada tahun tersebut ideologi beliau mula berubah daripada sosialisme-saintifik kepada al-Quran sebagai pegangan kehidupan.<sup>15</sup>

Komitmen Kassim kepada keadilan dan kebenaran mengatasi segala-galanya. Beliau memilih politik sebagai wadahnya untuk memperjuangkan cita-citanya. Dalam fasa pertama, melalui ideologi sosialisme dan parti sosialis, beliau gagal kerana beberapa faktor antaranya pendekatan politik beliau. Dalam fasa kedua di mana Kassim menjadikan Quran sebagai asas perjuangan politik beliau, insan yang berprinsip ini masih menghadapi banyak cabaran. Sebahagian daripadanya adalah kerana pendekatan. Sekali lagi, pendekatan!<sup>16</sup>

Dengan itu tertubuhlah Jema'ah Al-Quran Malaysia pada tahun 1995. Secara tidak langsung menjadikan Siaran Iqra' sebagai lidah Jema'ah Al-Quran Malaysia untuk menyebarkan idea-idea baharu kepada masyarakat tempatan.

#### PENERBITAN SIARAN IQRA' TAHUN PADA JULAI 1993 HINGGA JUN 1995

Kelahiran Siaran Iqra' ini pada bulan Julai 1993 bersamaan dengan bulan Muharam 1414 Hijrah

ini telah memberikan suatu harapan baharu kepada Jema'ah Al-Quran Malaysia bagi mencapai matlamat pergerakan mereka. Walaupun risalah ini hanya dapat bertahan dalam tempoh dua tahun sahaja, namun penyertaan ahli jemaah telah berjaya mencapai hampir 200 orang.<sup>17</sup> Dalam setiap penerbitan risalah Siaran Iqra', "*Berilah peringatan dengan Quran*" merupakan moto risalah Siaran Iqra'.<sup>18</sup> Secara umumnya, tajuk-tajuk yang disiarkan dalam tempoh dua tahun tersebut kebanyakannya menyentuh tema-tema Islam seperti persoalan tauhid, tafsir, perundangan, politik, ekonomi dan lain-lain. Bahkan, risalah ini juga bertindak memberi informasi berkaitan isu-isu antarabangsa seperti

isu-isu Bosnia, Amerika Syarikat dan sebagainya kepada para pembaca.

Namun begitu, dalam setiap risalah disediakan ruangan pengarang yang berbentuk pandangan ringkas seperti keluaran pertama pada tahun 1993-an telah menyentuh soal jatuh bangun ummah khususnya di Malaysia. Pada masa yang sama mengajak umat manusia kembali berpegang kepada ajaran Islam yang sudah lengkap, manakala menolak sepenuhnya ajaran yang berdasarkan materialism.<sup>19</sup> Penulis risalah Siaran Iqra' ada yang bersifat tetap dan sambilan. Jadual 1 menunjukkan kekerapan penulis dalam memberi sumbangan kepada penulisan risalah tersebut.

JADUAL 1. Artikel penulis dari Julai 1993 hingga Jun 1995 mengikut bahagian

Nama penulis	Julai 1993 hingga Jun 1995	Bahagian
Kassim Ahmad (Pengarang)	10	Rencana Pengarang
Ibn Abbas	5	Tafsir
Ibn Sina	5	Cerpen/ Sketsa/ Dialog
Abu Faisal	3	Ruangan Soal Jawab
Syed Akbar Ali	3	Rencana
Ramli Samad	3	Ulasan Buku
Abu Hanif	2	Rencana
Abdullah Munshi	1	-
Pemberita Iqra'	1	-
Editor	1	-

Sumber: Siaran Iqra' dari Julai 1993 hingga Jun 1995

Daripada tahun 1993 hingga tahun 1995, Kassim Ahmad selaku Pengerusi Jema'ah Al-Quran Malaysia mendahului penulis artikel lain sebanyak sepuluh artikel, diikuti Ibnu Abbas dan Ibnu Sina yang menulis sebanyak lima artikel. Manakala, Abu Faisal, Syed Akbar Ali<sup>20</sup> dan Ramli Samad menulis sebanyak tiga artikel sahaja. Selebihnya hanya menyumbang satu artikel sahaja dalam tempoh dua tahun tersebut. Namun begitu, Kassim Ahmad juga turut menggunakan nama samaran dalam menulis beberapa artikel dalam bahagian rencana, tafsir dan penulisan kesusasteraan. Antara nama samaran yang digunakan ialah Ibnu Abbas, Ibnu Sina dan Abdullah Munshi yang dipilih untuk mewakili pandangan Kassim Ahmad bagi mengkhusus untuk bidang tertentu. Ini dapat dilihat dalam rencana yang bertajuk, "Pentingnya Bahasa Kebangsaan" yang membahaskan tentang peranan bahasa kebangsaan yakni bahasa Melayu, maka nama samaran yang dipilih adalah Abdullah Munshi yang barangkali

dikaitkan dengan sumbangan besar Abdullah Munshi yang dikenali sebagai "Bapa Sastera Melayu Moden".<sup>21</sup> Hal ini sama dengan penggunaan nama samaran Ibnu Abbas dalam bahagian tafsir.

Menurut Kassim Ahmad semasa temu bual:

"...nama samaran Ibnu Abbas merupakan salah seorang yang paling rapat dengan Muhammad, malah beliau hebat dalam bidang tafsir al-Quran maka sebab itulah Ibnu Abbas digunakan dalam bahagian tafsiran..."<sup>22</sup>

Ini bermaksud hampir keseluruhan rencana mahupun artikel dalam Siaran Iqra' itu sebenarnya merupakan idea-idea pembaharuan yang dibawa oleh Kassim Ahmad demi menyeru kembali akan umat manusia supaya berpegang semula kepada al-Quran. Kemungkinan hal ini juga menyebabkan risalah ini tidak dapat bertahan lama kerana ketiadaan penyumbang tetap artikel, pada masa yang sama fahaman-fahaman ini juga boleh dikatakan masih baharu dalam masyarakat tempatan di Malaysia pada waktu itu.

Daripada sudut fizikal pula, risalah Siaran Iqra' dari tahun 1993 hingga tahun 1995 menggunakan saiz A4 berukuran 8.27" lebar dan 11.69" panjang dengan mengandungi empat halaman sama seperti risalah *Submitters Perspective* oleh Rashad Khalifa.<sup>23</sup> Walaupun matlamat *Submitters Perspective* dengan Siaran Iqra' hampir sama, namun begitu terdapat beberapa perkara penting yang membuktikan kedua-dua risalah tersebut mempunyai prinsip yang berbeza. Antara perbezaan tersebut ialah pengiktirafan Rashad Khalifa sebagai *Messenger Of The Convenient* yang tidak dipersetujui oleh Kassim Ahmad sendiri.

Pada waktu ini, Rashad belum membuat dakwaan bahawa beliau "Rasul Perjanjian" atau dalam bahasa Inggerisnya "Messenger of the Convenient", yang ada disebut dalam kitab-kitab Taurat, Injil, dan juga Quran. Saya tidak bersetuju dengan dakwaan ini... Dalam pengertian saya, "Rasul Perjanjian" tidak lain ialah Nabi Muhammad sendiri.<sup>24</sup>

Melainkan, jilid kedua bilangan kedua pada bulan November 1994 mengandungi enam halaman. Namun begitu, risalah ini tidak dijual, malah ia hanya diberikan percuma kepada ahli-ahli Jema'ah Al-Quran Malaysia. Oleh itu, sukar untuk menentukan bilangan pembaca Siaran Iqra' secara tepat kerana barangkali ia juga boleh tersebar ke seluruh negara sehinggakan menjadi koleksi persendirian.<sup>25</sup> Misalnya, idea-idea Jema'ah Al-Quran Malaysia dilaporkan telah diguna dalam penyampaian khutbah Jumaat di salah satu masjid di negeri Kedah.

"... Pihak Iqra' tentulah bergembira kerana baru-baru ini dalam khutbah Jumaat di Masjid Bukit Pinang, Kedah, khatibnya telah menyeru umat Islam supaya memberi peringatan dengan Quran..."<sup>26</sup>

Daripada sudut fokus isi kandungan Siaran Iqra' pula, dalam tempoh dua tahun tersebut lebih menumpukan soal tauhid dan sumber perundangan Islam. Dalam pada masa yang sama, menyedarkan umat manusia supaya kembali kepada Islam yang diajar dalam al-Quran, manakala menolak keseluruhan ajaran-ajaran ulama' seperti yang diamalkan sebelum ini. Bahkan dalam penerbitan yang pertama sekali dalam Siaran Iqra', Kassim Ahmad juga menyeru masyarakat supaya kembali kepada agama yang benar. Hal ini kerana masalah politik, ekonomi dan moral berpunca daripada umat manusia yang tidak menjadikan al-Quran sebagai sumber utama dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"... Kita boleh keluar dari kemelut besar ini hanya dengan kita kembali agama Allah yang sebenar, tegasnya kepada kitab suci-Nya yang terakhir, iaitu Quran..."<sup>27</sup>

#### TEMA-TEMA SIARAN IQRA' TAHUN 1993 HINGGA TAHUN 1995

Risalah Siaran Iqra' tahun 1993 hingga tahun 1995 mempunyai beberapa tema yang telah di analisis. Namun begitu, umumnya artikel dalam Siaran Iqra' tahun 1993 hingga tahun 1995 berdasarkan tajuk dan perbincangan isi kandungan artikel yang dibahagikan kepada tiga tema utama, Pertama, Tema Tauhid; Kedua, Tema Perundangan Syariah; dan Ketiga, Tema Tamadun Islam.

#### TEMA TAUHID

Dalam tema tauhid ini, pengarang mengutarakan dua perkara utama yakni asas-asas tauhid dan pemikiran Islam. Dalam tempoh dua tahun, kebanyakan artikel yang diterbitkan lebih memfokuskan asas-asas tauhid umat Islam ia merangkumi keyakinan kepada Tuhan Maha Esa, Rasulullah, dan juga konsep Qada' dan Qadar. Contohnya dalam risalah Siaran Iqra' antaranya perkara yang berkaitan dengan asas tauhid ialah "Kembalilah Kepada Agama Yang Benar!",<sup>28</sup> "Soal Akidah",<sup>29</sup> "Kami Bukan Anti Hadis. Kami Menyeru Kembali Kepada Quran",<sup>30</sup> "Untung Baik dan Jahat (Bahagian pertama)",<sup>31</sup> "Untung Baik dan Jahat (Bahagian kedua)",<sup>32</sup> "Hadis Lawan Quran (Bahagian pertama)",<sup>33</sup> "Khurafat Di Peringkat Tertinggi",<sup>34</sup> "Hadis Lawan Quran (Bahagian kedua)".<sup>35</sup> Manakala, dalam bahagian pemikiran Islam pula, Siaran Iqra' juga memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi umat Islam jika tidak memahami ajaran al-Quran dengan sebaiknya.

Pengarang juga ada menyentuh isu-isu berkenaan ideologi Barat seperti fahaman neo-imperialis, liberalisme, dan sebagainya. Selain daripada itu, pengarang juga mencadangkan mana-mana pihak sama ada pihak kerajaan atau bukan kerajaan mengambil inisiatif untuk mengekang atau mengkritik mana-mana ajaran atau pemikiran yang berkontradiksi dengan ajaran al-Quran seperti perkumpulan Al-Arqam yang dibawa oleh Ustaz Al-As'ari. Hal ini kerana ajaran Al-Arqam ini merupakan ajaran yang menyimpang daripada Islam seperti yang dikarang dalam artikel yang bertajuk "Masalah Ajaran Sesat".<sup>36</sup> Antaranya artikel yang

menyentuh bahagian pemikiran umat Islam ini seperti “Islam Sasaran Baru NeoImperialis”,<sup>37</sup> “Politik, Ekonomi, Dan Akhlak”,<sup>38</sup> “Buka Semula Pintu Ijtihad”,<sup>39</sup> “Bilakah Ahli Sunnah Wal Jamaah Muncul”,<sup>40</sup> dan lain-lain.

#### TEMA PERUNDANGAN SYARIAH

Siaran Iqra’ sering kali menekankan bahawa al-Quran merupakan sumber perundangan yang utama. Oleh itu, mana-mana sumber selain al-Quran seperti Hadis wajib ditolak walaupun salah satu mazhab fiqh seperti Imam Syafie menerima Hadis sebagai sumber kedua dalam perundangan syariah. Namun begitu, Kassim Ahmad selaku pengarang tetap Siaran Iqra’ dalam tempoh dua tahun tersebut masih mengakui kredibiliti hadis sebagai sumber umat Islam dengan bersyarat. Syaratnya mana-mana hadis yang bertentangan dengan al-Quran wajib ditolak.

Bahkan, sidang Siaran Iqra’ yakin bahawa masyarakat harus berfikir terbuka dalam menghadapi cabaran zaman moden. Oleh itu, penggunaan akal yang luas akan berjaya mewujudkan suatu system syariah Islam yang dinamik, tidak kaku dan mengikuti kehendak zaman.<sup>41</sup> Siaran Iqra’ mewajibkan supaya pintu ijtihad perlu dibuka semula bagi menghadapi sebarang masalah-masalah yang berkaitan dengan fiqh termasuk isu-isu semasa. Perkara ini ditulis dalam artikel yang bertajuk “Masalah Ijtihad”,<sup>42</sup> “Hukum Hudud”,<sup>43</sup> dan “Buka Semula Pintu Ijtihad”.<sup>44</sup>

Dalam bahagian ekonomi, sidang pengarang memfokuskan perkara asas umat Islam misalnya, berkenaan dengan konsep riba dan perbankan. Malah, juga menyentuh berkenaan dengan fiqh wanita yang diterangkan dalam bahagian tafsir. Antara artikel yang menyentuh permasalahan ini iaitu, “Persetubuhan Secara Paksa”,<sup>45</sup> “Wawancara Dengan JAM”,<sup>46</sup> “Kedudukan Wanita (1)”,<sup>47</sup> “Kedudukan Wanita (2)”,<sup>48</sup> “Kedudukan Wanita Poligami (3)”,<sup>49</sup> dan “Definisi Riba Dan Perbankan Tanpa Faedah”.<sup>50</sup>

#### TEMA PENDIDIKAN ISLAM

Sidang Siaran Iqra’ juga menyentuh isu kemasyarakatan dan isu pendidikan kebangsaan. Isu-isu ini disentuh adalah bertujuan untuk membangunkan daya pemikiran pembaca supaya berubah kepada perkara yang lebih baik. Malah,

sidang pengarang juga mengingatkan umat manusia terhadap ancaman daripada musuh Islam seperti ancaman “Neo-Imperialis” dan juga termasuk perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak masyarakat. Antara artikel yang menyentuh isu-isu tersebut ialah “Memulihkan Kekuatan Ummah!”<sup>51</sup> “Revolusi Dalam Tamadun!”<sup>52</sup> “Mengubah Dunia!”<sup>53</sup> “Islam Sasaran Baru Neo-Imperialis”,<sup>54</sup> dan sebagainya. Dalam bahagian pendidikan pula, sidang pengarang menolak konsep penarafan ilmu yakni antaranya ilmu sekular dengan ilmu agama. Bahkan, Kassim Ahmad selaku ketua sidang pengarang mengaku bahawa ketiadaan garis pemisahan yang tegas antara ilmu Naqliyyah dengan ilmu Aqliyyah. Maka sudah tentu ia menolak ilmu tertentu lebih penting daripada ilmu yang lain-lain.<sup>55</sup> Oleh itu, sidang pengarang menyarankan kewujudan pendidikan seimbang antaranya pendidikan sains, matematik, falsafah dengan pendidikan akhlak dan agama. Salah satu artikel yang menyentuh berkenaan dengan sistem pendidikan ini ialah “Sistem Pendidikan Kebangsaan Islam”.<sup>56</sup>

#### ANALISIS IDEA ISLAH DALAM SIARAN IQRA’

Pada abad ke-20 merupakan zaman berlakunya revolusi dalam pelbagai bidang sama ada dalam bentuk spiritual dan material hampir di seluruh negara yang dijajah. Hal ini kerana abad ini merupakan munculnya kesan-kesan penjajahan kolonialisme di sesebuah negara. Selain itu, perkembangan intelektual yang selaras dengan penyebaran teknologi maklumat yang telah memberi kesan dan cabaran kepada umat Islam. Oleh itu, umat Islam turut berdepan dengan ancaman pemikiran kolonial, maka pemikir-pemikir Islam berusaha untuk mewujudkan penyelesaian khususnya daripada aliran modernism.

Oleh itu, Jema’ah Al-Quran juga turut serta dalam membangunkan pemikiran masyarakat dengan menghasilkan pelbagai terbitan termasuk penulisan ketua pengarang yakni Kassim Ahmad menulis beberapa buah buku seperti *Hadith-Suatu Penilaian Semula* pada tahun 1986 sehinggalah mencetuskan kontroversi pada waktu tersebut.<sup>57</sup>

Buku itu jauh menyeleweng daripada hakikat faham keislaman...judul buku tersebut yang menganjurkan hadis atau sunah Rasul dikatakan mesti dinilai semula dengan menganggap bahawa hadis itu adalah kuasa palsu, membuktikan keraguannya terhadap meyakini pokok agama yang jatuh nombor dua sesudah al-Quran itu.<sup>58</sup>

Namun begitu, Siaran Iqra' ini mula diterbitkan pada tahun 1993 dengan bantuan ahli Jema'ah Al-Quran sebagai penulis tetap mahupun penulis sementara. Melalui risalah ini, Jema'ah Al-Quran berupaya untuk melontarkan beberapa idea-idea yang boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat ketika itu walaupun seketika menghadapi cabaran daripada beberapa agensi agama daripada pihak kerajaan. Hal ini kerana, idea-idea yang dilontarkan sebahagiannya sudah tentu bercanggah dengan kepercayaan masyarakat tempatan sebelum ini.

Idea utama yang dibawa oleh sidang pengarang Siaran Iqra' adalah mengkritik masyarakat Melayu yang lebih mengagungkan "tafsiran tradisional" terhadap Islam.<sup>59</sup> Bagi Siaran Iqra', kejayaan mereka hanya tercapai andai masyarakat Islam kembali semula memahami al-Quran secara keseluruhan. Hal ini kerana masyarakat Islam sekarang melihat al-Quran dan hadis sebagai sumber perundangan Islam sebaliknya Siaran Iqra' menganggap al-Quran sahaja sudah cukup untuk dijadikan panduan hidup.

"...balik kepada Quran, ini tidak bermakna kita tolak hadis, ijmak dan qias. Maknanya, kita jadikan Quran sebagai pokok. Hadis, ijmak, qias dan sumber-sumber lain yang bercanggah dengan ajaran Quran mesti kita tolak..."<sup>60</sup>

Ini membuktikan bahawa Jema'ah Al-Quran tidak menolak hadis secara keseluruhan seperti yang didakwa sebahagian golongan agama. Hal ini kerana sebelum ini ada pihak yang menuduh Kassim Ahmad selaku pengerusi Jema'ah Al-Quran meniru keseluruhan idea Rashad Khalifa, juga salah seorang yang terlibat dalam kontroversi gerakan anti-Hadis.<sup>61</sup> Oleh itu, jika kita amati dengan teliti Kassim Ahmad sendiri menolak beberapa idea Rashad Khalifa.

Kassim Ahmad meyakini bahawa masyarakat Islam memerlukan tafsiran yang baharu dan berkembang mengikut peredaran zaman. Salah satu artikel yang menarik untuk dibahas ialah seperti artikel yang diterbitkan dalam Siaran Iqra' Jilid Pertama Bilangan Pertama tahun 1993 bertajuk "Memulihkan Kekuatan Ummah" yang membincangkan sebab-sebab kelemahan umat Islam sekarang. Malah, tulisan ini juga memberikan persoalan kepada pembaca, "adakah kekuatan dan kemuliaan bergantung pada bilangan dan benda seperti Amerika Syarikat yang mempunyai rakyat yang ramai dan merupakan satu kuasa ekonomi yang besar serta militer yang terbesar?" dan "apakah umat Islam sekarang berpegang kepada al-Quran, sepertimana Nabi Muhammad dan generasi-generasi

Islam awal".<sup>62</sup> Persoalan sebegini dilontarkan oleh penulis agar para pembaca Siaran Iqra' boleh berfikir dan melihat realiti kehidupan sebagai seorang Muslim dan mukmin.

Antara saranan Siaran Iqra' kepada umat Islam agar wajib mengetahui apakah punca kekuatan dan kemuliaan manusia? Hal ini kerana punca kekuatan dan kemuliaan manusia ini bukanlah bergantung kepada nilai materialisme dan nilai kuantiti. Ini dibuktikan dengan peristiwa Perang Badar antara 313 tentera Islam pimpinan Nabi Muhammad berjaya mengalahkan 1000 tentera kafir Quraisy pada tahun kedua Hijrah. Oleh itu, kekuatan dan kemuliaan umat Islam akan wujud apabila mereka kembali berpegang kepada ajaran asal al-Quran.

"...Mengikut ajaran Islam, wahyu Ilahi itulah kebenaran mutlak. Wahyu Ilahi yang terakhir yang mengandungi ajaran-ajaran lengkap dan sempurna yang disampaikan kepada manusia melalui nabi Allah yang terakhir, Muhammad..."<sup>63</sup>

Ini jelas menurut penulis bahawa kejatuhan umat manusia zaman kini adalah kerana menyeleweng jauh daripada ajaran-ajaran al-Quran, pada masa yang sama terlalu mengagungkan ajaran materialism dan takut hendak berjuang ke jalan Allah. Bahkan kebanyakan manusia beranggapan bahawa materialism adalah punca kekuatan bangsa dan agama. Sebaliknya, punca kekuatan dan kebenaran mutlak hanya akan dapat dicapai dengan berpegang kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Selain daripada itu, sidang pengarang juga menekankan kepentingan bahasa kebangsaan bagi memastikan bangsa Melayu mampu berdaya saing dengan bangsa seantero dunia seperti yang diterangkan dalam artikel bertajuk, "Pentingnya Bahasa Kebangsaan" oleh Abdullah Munshi.<sup>64</sup>

Bagi pengarang, bahasa kebangsaan amat penting bagi menentukan proses pembentukan tamadun, secara tidak langsung menjadi salah satu asas tamadun bangsa. Oleh itu, pengarang mengkritik sesetengah pemimpin tempatan yang beranggapan bahawa faktor ekonomi lebih penting berbanding faktor bahasa kebangsaan bagi kemajuan tamadun dan bangsa.

"...pengaruh ekononisme, atau fikiran yang meletakkan faktor ekonomi mengatasi faktor-faktor lain dalam pembangunan negara. Kononnya, jika ekonomi negara maju, maka dengan sendirinya bahasa ikut maju. Fikiran ini salah dan berbahaya kepada pertumbuhan tamadun baru Malaysia".<sup>65</sup>

Selain daripada itu, menurut sidang pengarang Siaran Iqra', Nabi Muhammad merupakan tokoh reformis yang universal terhadap tamadun dunia.<sup>66</sup>

Hal ini kerana, ketika itu latar belakang sosial dan daripada aspek peribadi Nabi Muhammad membuktikan baginda seorang yang revolusioner. Bahkan, Nabi Muhammad mampu mengubah tamadun Arab serta mampu bersaing dengan dua tamadun terbesar yakni tamadun Parsi dan tamadun Byzantine (empayar Rom). Hal ini kerana, penganjuran tuntutan ilmu telah ditekankan ke dalam tamadun Arab selepas kedatangan Nabi Muhammad. Ini terbukti dalam wahyu yang pertama bagi keyakinan umat Islam ialah surah al-Alaq yang menganjur tuntutan ilmu bagi menggapai kegemilangan tamadun seperti Mesir Purba, Yunani, Rom, India Purba, dan China Purba.

“...Ada tiga perkara besar dalam wahyu pertama ini. Pertama, perintah umum suruh membaca itu. Kedua, suruhan umum itu membaca itu dikenakan satu syarat saja, iaitu dengan membaca ‘dengan nama Tuhanmu yang menciptakan’. Ketiga, pengajaran atau ilmu itu. Tuhan ajar kepada manusia melalui pena”.<sup>67</sup>

Malah, tidak wujud konsep penarafan ilmu seperti mana yang disebut oleh tokoh-tokoh Islam tradisional sebelum ini seperti Imam Al-Ghazali. Misalnya, budaya membezakan antara ilmu agama yakni al-Quran dan hadis manakala ilmu sekular seperti sains, matematik, sejarah dan sebagainya. Seperti mana yang diketahui pemisahan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh Imam al-Ghazali dalam karyanya *Ihya Ulumuddin*.<sup>68</sup> Beliau dikatakan tegas memisahkan ilmu agama (Islam) dengan ilmu-ilmu barat sekular sehinggakan pandangan ini diguna pakai sekarang. Oleh itu, sebahagian sarjana Islam menentang kuat konsep ini termasuk Kassim Ahmad sendiri.

Bagi Kassim Ahmad selaku pengerusi sidang pengarang Siaran Iqra’, ilmu Aqliyyah dan ilmu Naqliyyah merupakan ilmu bukannya ilmu yang diterima daripada tuhan dan juga bukan ilmu ciptaan kreatif tuhan. Hal ini kerana tiada garis pemisahan yang konkrit berkenaan kedua-dua ilmu ini. Tiada bukti yang menunjukkan ilmu tertentu lebih penting daripada yang lain.<sup>69</sup> Bahkan beliau ketika itu amat bertegas menentang sesiapa sahaja yang menganggap falsafah sains barat bercanggah dengan Islam.<sup>70</sup> Oleh itu, sidang pengarang Siaran Iqra’ mengkritik sistem pendidikan kebangsaan negara kerana tidak menyeimbangkan antara subjek sains dan agama. Namun ini tidak bermakna sistem pendidikan kebangsaan itu meminggirkan subjek agama secara keseluruhan. Hal ini kerana sidang pengarang sendiri menyokong penuh jika Islam itu dijadikan sebagai asas pendidikan kebangsaan

dengan menerapkan kaedah memahami al-Quran dan bukan kaedah membaca sahaja. Pada masa yang sama, menggalakkan pelajar-pelajar memiliki dan membaca tafsir dalam bahasa Melayu atau bahasa ibunda mereka sendiri.<sup>71</sup> Sebenarnya, idea pendidikan yang dinyatakan oleh penulis-penulis Siaran Iqra’ ini hampir sama dengan seruan kemajuan bangsa Melayu yang dibawa oleh sidang majalah *Al-Ikhwan* pada tahun 1929-an dahulu lagi.<sup>72</sup>

Selain daripada itu, penulis yang dikenali dengan nama samaran Ibnu Sina telah menulis mengenai salah faham masyarakat Melayu berkenaan dengan konsep Qada’ dan Qadar dalam kehidupan mereka. Artikel tersebut bertajuk “Untung Baik Dan Jahat” yang ditulis sebanyak dua artikel dan menggunakan penulisan berbentuk dialog ataupun penceritaan. Dalam penulisan artikel ini, penulis telah mengkritik beberapa sikap masyarakat Islam berkenaan dengan persoalan takdir. Bagi penulis, takdir itu tidak wujud dan meletakkan peranan manusia dalam setiap hal-hal keduniaan tetapi tuhan masih berkuasa.

Namun begitu, setiap perkara yang manusia lakukan telah diketahui dan diizinkan oleh tuhan tetapi setiap perkara itu tidak semestinya diredai oleh tuhan.<sup>73</sup> Ini bermakna penulis cuba untuk meletakkan jurang perbezaan antara perbuatan manusia dengan pengetahuan tuhan. Oleh itu, tuhan memberi kebebasan manusia untuk memilih sama ada baik ataupun buruk. Menurut penulis lagi, kegagalan umat manusia berjuang di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka menyebabkan kuasa-kuasa Neo-Imperialis seperti Amerika Syarikat semakin kuat dan menindas masyarakat Islam seluruh dunia.<sup>74</sup> Maka, penulis mengingatkan para pembaca supaya perlu sedar akan penyelewengan agama yang berlaku selepas kewafatan Nabi Muhammad dan bukannya menyerahkan kegagalan itu terus kepada tuhan.

Selain daripada itu, Ibnu Abbas merupakan nama samaran yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam bahagian tafsir al-Quran turut menyentuh isu kedudukan wanita dalam Islam. Artikel tersebut bertajuk “Kedudukan Wanita” yang telah dihasilkan sebanyak dua bahagian. Bagi artikel bahagian pertama, Ibnu Abbas menyatakan bahawa wujud dua pandangan yang bertentangan dengan kedudukan wanita yakni golongan modernis yang memberikan kebebasan wanita manakala golongan tradisional menganggap taraf wanita tidak sama dengan lelaki.<sup>75</sup> Namun begitu secara keseluruhannya, penulis lebih cenderung kepada pandangan golongan modernis

yang menyamakan taraf wanita dengan lelaki berdasarkan konteks universal dan juga konteks sejarah.

“...Ini semua membuktikan bahawa kaum wanita sama dengan kaum lelaki dan telah diberi taraf yang sama, termasuk menjadi pemimpin negara dan nabi...”<sup>76</sup>

Selain daripada itu, isu poligami turut disebut oleh penulis dalam menjelaskan ayat Quran berkenaan dengan hak wanita dalam Islam dengan merujuk surah al-Nisa ayat ke-4 dan ayat ke-129. Hal ini kerana penulis meyakini tafsir Quran sebelum ini sebahagiannya tidak menepati prinsip Islam kerana mentafsir ayat tanpa melihat konteks sejarah mahupun zaman seperti yang dijelaskan oleh Mahmoud Mohamed Taha dalam *The Second Message of Islam* pada tahun 1967.<sup>77</sup> Bahkan penulis juga mempercayai bahawa Islam sendiri tidak menggalakkan poligami berbanding kefahaman kebanyakan golongan agama yang menyatakan bahawa Islam menggalakkan poligami.

“...Undang-undang Islam menghendaki perkahwinan monogami, tetapi membenarkan perkahwinan poligami di bawah syarat-syarat yang ketat...”<sup>78</sup>

Islam membataskan poligami dalam zaman moden disebabkan dua perkara yakni tujuan poligami adalah untuk menambahkan bilangan umat manusia, tetapi sejak zaman Muhammad, bilangan manusia telah bertambah maka poligami tidak berfungsi lagi. Kedua, berpoligami bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada wanita janda dan anak yatim serta kemampuan si suami untuk berlaku adil.

## KESIMPULAN

Isu ekonomi, sosial dan politik masyarakat Islam masih lagi hangat dibincangkan sehingga sekarang. Hal ini kerana pemikiran masyarakat Melayu masih mundur dan ketinggalan berbanding masyarakat dunia yang lain. Maka, untuk membawa masyarakat Islam jauh daripada kesempitan ini semua golongan perlu memberikan luahan ilmu dan tenaga untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemunduran. Bagi Jema'ah Al-Quran Malaysia, untuk keluar daripada kemunduran tersebut adalah dengan memahami erti ajaran tuhan yang sebenar. Bahkan, ajaran tuhan yang dibawa oleh Nabi Muhammad bersifat universal dan endogenous setiap zaman. Maka, tidak hairanlah jika kewujudan risalah ini menjadi salah satu alternatif untuk

membawa kepada arus perubahan dan pemodenan terhadap umat Islam. Namun begitu, risalah ini cuma mampu bertahan beberapa tahun termasuklah pertubuhan Jema'ah Al-Quran Malaysia turut terkubur lalu diganti dengan Syarikat Forum Iqra' yang masih bergerak aktif sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, pergerakan Forum Iqra' masih lagi dipantau pihak kerajaan khususnya dalam bidang agama bagi mengelak masyarakat awam terpengaruh dengan seruan Forum Iqra'.

## NOTA HUJUNG

- 1 Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, Hlm. 147.
- 2 Penubuhan persatuan dan kelab ini kebanyakannya berfokus kepada kegiatan sosial dan pendidikan seperti Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888), Moslem Association (1897), Young Muslim Union (1911), Mohammedan Advisory Board (1915), Anjuman-I-Islam Malaya (1929), United Islamic Association (1923), Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) (1934), Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) (1950) dan sebagainya. Lihat, Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, Hlm. 148.
- 3 Untuk lihat lebih lanjut berkenaan dengan terma “Modenisme” ini sila rujuk, Ahmad Parray, *Islamic Modernist and Reformist Thought: A Study of the Contribution of Sir Sayyid and Muhammad Iqbal*, *World Journal of Islamic History and Civilization*, 1 (2): 79-93, 2011.
- 4 Temu bual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 25 Februari 2015, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- 5 “Mengalu-alukan Penubuhan JAM”, *Siaran Iqra*, Jil, 3 Bil. 3, Hlm.2.
- 6 “Memulihkan Kekuatan Ummah”, *Siaran Iqra*, Jil. 1. Bil. 1. Hlm. 2.
- 7 Surah al-Alaq merupakan surah yang ke-96 dalam al-Quran dan mengandungi 19 ayat.
- 8 Pada bulan Julai 1993 bersamaan dengan bulan Muharam 1414 Hijrah itu merupakan risalah Sinaran Iqra' terbitan pertama oleh Jema'ah Al-Quran Malaysia.
- 9 Temu bual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 25 Februari 2015, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- 10 Kassim Ahmad, *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*, Petaling Jaya, Selangor : ZI Publications Sdn. Bhd., 2008, Hlm. 203-209.; “Buku Hadith Satu Penilaian Semula Oleh Kassim Ahmad” diakses melalui laman sesawang, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/buku-hadith-satu-penilaian-semula-oleh-kassim-ahmad>, pada 1 Januari 2014.; Lihat juga, “Fatwa Tentang Buku “Hadis Satu Penilaian Semula” Oleh Kassim Ahmad”, *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989*, Warta Kerajaan Selangor, 14 September 1995, Jil. 48, No. 19.;
- 11 “KDN Akan Haramkan Bacaan”, *Berita Harian*, 20 Julai 1995, Hlm. 1.; “Othman Boleh Dihukum Mati- Hadi”, *Utusan Malaysia*, 19 Julai 1995, Hlm. 4.



- <sup>12</sup> “Bertindak Tanpa Fatwa Rasmi”, *Utusan Malaysia*, 19 Julai 1995, Hlm. 4.
- <sup>13</sup> Untuk lihat perbahasan berkenaan dengan fatwa pengharaman sila rujuk, “Fatwa Tentang Buku “Hadis Satu Penilaian Semula” Oleh Kassim Ahmad”, *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989*, Warta Kerajaan Selangor, 14 September 1995, Jil. 48 No. 19.; “Takrifkan Antihadis Ancam Keselamatan”, *Utusan Malaysia*, 21 Julai 1995, Hlm. 26.
- <sup>14</sup> Kassim Ahmad, *Universiti Kedua: Dibawah Tahanan ISA*, Petaling Jaya, Selangor : ZI Publications Sdn. Bhd., 1983, Hlm. 56.
- <sup>15</sup> Chandra Muzaffar, “Penilaian Terhadap Perjuangan Politik Kassim Ahmad”, *Seminar Pemikiran Kassim Ahmad: Suatu Penilaian*, Yayasan Kepimpinan Perdana, 15 Februari 2014.; Lihat juga, rujuk kata pengantar daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Kassim Ahmad, 2008. *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd.; Lihat juga Mazlan Nordin, “Mahathir, Kassim, dan Sosialisme”, *Mingguan Malaysia*, 2009.
- <sup>16</sup> Sila rujuk bahagian konklusi oleh Chandra Muzaffar, “Penilaian Terhadap Perjuangan Politik Kassim Ahmad”, *Seminar Pemikiran Kassim Ahmad: Suatu Penilaian*, Yayasan Kepimpinan Perdana, 15 Februari 2014.
- <sup>17</sup> Temubual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 25 Februari 2015, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- <sup>18</sup> Ia merupakan potongan ayat Al-Quran daripada surah Al-Qaf, ayat ke-45 yang sememangnya selaras dengan dasar jemaah untuk menyeru masyarakat tempatan kepada kefahaman Al-Quran.
- <sup>19</sup> “Memulihkan Kekuatan Ummah”, *Siaran Iqra’*, Jil, Bil 1, Hlm. 1.
- <sup>20</sup> Syed Akbar Ali merupakan Timbalan Pengerusi Jema’ah Al-Quran Malaysia semenjak pertubuhan itu bermula sehinggalah dibubarkan lalu digantikan dengan Forum Iqra’. Malah, beliau sekarang juga aktif dengan penulisan didalam blog peribadi sendiri yang berlamam sesawang, <http://syedsoutsidethebox.blogspot.com/>. Rujuk juga, Temubual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 23 September 2014, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- <sup>21</sup> Lihat laman sesawang, <http://kassimahmad.blogspot.com/2008/02/pemodenan-bangsa-sumbangan-abdullah.html> diakses pada 20 Oktober 2014 ; Rujuk juga, *Munshi Abdullah Papers*, 1918, The Burke Library, Union Theological Seminary, New York.; Azhar Ibrahim Alwee, *Abdullah Munshi, Kesedaran Islam dan Kolonialisme*, dalam Seminar Pendidikan, Institusi Pendidikan Nasional Singapura, 5 Mac 2007.
- <sup>22</sup> Temubual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 25 Februari 2015, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- <sup>23</sup> Sila rujuk laman sesawang, <http://www.masjidtucson.org/publications/books/sp/index.html#gsc.tab=0>.
- <sup>24</sup> Kassim Ahmad, *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*, Petaling Jaya, Selangor : ZI Publications Sdn. Bhd., 2008, Hlm. 201.
- <sup>25</sup> Risalah Siaran Iqra’ ini tidak ditemui mana-mana perpustakaan awam termasuk pihak arkib. Oleh itu, kemungkinan ada sebahagian bekas ahli Jemaah Al-Quran Malaysia masih lagi menyimpan risalah ini sebagai koleksi persendirian. Rujuk, Abdul Karim Ali, *Penguatkuasaan Fatwa Pengharaman Karya-Karya Anti Hadith Di Malaysia: Satu Penilaian*, Al-Bayan : Journal of al-Quran and al-Hadith, Volume 6, 2008.
- <sup>26</sup> “Perkembangan Baru Dalam Khutbah Jumaat”, *Siaran Iqra’*, Jil. 3. Bil. 2, 1995, Hlm. 4.; Temubual Md Hasri B Rajali terhadap Kassim Ahmad, 25 Februari 2015, Kulim Hi-Tech, Kedah.
- <sup>27</sup> “Kembalilah Kepada Agama Yang Benar!”, *Siaran Iqra’*, Jil. 1. Bil. 1, 1993, Hlm. 1.
- <sup>28</sup> “Kembalilah Kepada Agama Yang Benar!”, *Siaran Iqra’*, Jil. 1. Bil. 1, 1993, Hlm. 1.
- <sup>29</sup> “Soal Akidah”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 1.
- <sup>30</sup> “Kami Bukan Anti Hadis, Kami Menyeru Kembali Kepada Quran”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 1.
- <sup>31</sup> “Untung Baik dan Jahat (Bahagain Pertama)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 3.
- <sup>32</sup> “Untung Baik dan Jahat (Bahagaian Kedua)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 4.
- <sup>33</sup> “Hadis Lawan Quran”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 1, 1995, Hlm. 2.
- <sup>34</sup> “Khurafat Di Peringkat Tertinggi”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 2, 1995, Hlm. 1.
- <sup>35</sup> “Hadis Lawan Quran”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 3, 1995, Hlm. 2.
- <sup>36</sup> “Masalah Ajaran Sesat”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 1.
- <sup>37</sup> “Islam Sasaran Baru NeoImperialisis”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 2.
- <sup>38</sup> “Politik, Ekonomi, Dan Akhlak”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 3.
- <sup>39</sup> “Buka Semula Pintu Ijtihad”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 2.
- <sup>40</sup> “Bilakah Ahli Sunnah Wal Jamaah Muncul”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 1, 1995, Hlm. 4.
- <sup>41</sup> “Buka Semula Pintu Ijtihad”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 2.
- <sup>42</sup> “Masalah Ijtihad”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 2.
- <sup>43</sup> “Hukum Hudud”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm.2.
- <sup>44</sup> “Buka Semula Pintu Ijtihad”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm 2.
- <sup>45</sup> “Persetujuan Secara Paksa”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 2.
- <sup>46</sup> “Wawancara Dengan JAM”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 1.
- <sup>47</sup> “Kedudukan Wanita (Bahagian Pertama)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 3.
- <sup>48</sup> “Kedudukan Wanita (Bahagaian Kedua)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 4.
- <sup>49</sup> “Kedudukan Wanita Poligami (Bahagian Ketiga)”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 1, 1995, Hlm. 3.
- <sup>50</sup> “Definis Riba Dan Perbankan Tanpa Faedah”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 2, 1995, Hlm. 3.
- <sup>51</sup> “Memulihkan Kekuatan Ummah!”, *Siaran Iqra’*, Jil 1, Bil 1, 1993, Hlm. 1.
- <sup>52</sup> “Revolusi Dalam Tamadun”, *Siaran Iqra’*, Jil 1, Bil 1, 1993, Hlm. 3.
- <sup>53</sup> “Mengubah Dunia”, *Siaran Iqra’*, Jil 1, Bil 1, 1993, Hlm. 3.
- <sup>54</sup> “Islam Sasaran Baru Neo-Imperialis”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 2.
- <sup>55</sup> “Kaedah Sainifik Islam: Jalan Keluar Daripada Kemunduran”, *Berita Harian*, 4 Ogos 1987.

- 56 Sistem pendidikan Kebangsaan Islam”, *Siaran Iqra’*, Jil 3, Bil 2, 1995, Hlm. 1.
- 57 Kassim Ahmad, *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd., 2008, Hlm. 180.
- 58 “Muis haramkan buku Kassim Ahmad”, *Berita Harian*, 16 Ogos 1986, Hlm. 1.; “Mufti: Waspada buku yang menolak Nabi”, *Berita Harian*, 29 Januari 1987, Hlm. 1.
- 59 “Kekasihku Tradisi”, *Siaran Iqra’*, Jil. 3 Bil. 3, 1995, Hlm. 3.
- 60 “Kami Bukan Anti-Hadis. Kami Menyeru Kembali Kepada Quran”, *Siaran Iqra’*, Jil.2 Bil.1, 1994, Hlm. 1.
- 61 Sila rujuk, Farasat Latif, 2006. *The Qur’aniyūn Of The Twentieth Century*. M.A. Islamic Studies Markfield Institute of Higher Education Loughborough University.; Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, Hlm. 168-169.
- 62 “Memulihkan Kekuatan Ummah!”, *Siaran Iqra’*, Jil 1, Bil 1, 1993, Hlm. 1.
- 63 “Memulihkan Kekuatan Ummah” *Siaran Iqra’*, Jil 1, Bil 1, 1993, Hlm 1.
- 64 “Pentingnya Bahasa Kebangsaan”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil. 2, 1994, Hlm. 1.
- 65 “Pentingnya Bahasa Kebangsaan”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil. 2. 1994, Hlm. 1.
- 66 “Wahyu Yang pertama”, *Siaran Iqra’*, Jil 1 Bil. 1, 1993, Hlm. 4.
- 67 “Wahyu Yang pertama”, *Siaran Iqra’*, Jil 1 Bil. 1, 1993, Hlm. 4.
- 68 M. Amin Abdullah, *Studi Agama Noemativitas Atau Historitas?*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, Hlm. 251.
- 69 “Kaedah Sainifik Islam: Jalan Keluar dari Kemunduran”, *Berita Harian*, 4 Ogos 1987.; “Ulama Sebagai Para Saintis Seperti Yang Ditakrifkan Dalam Quran Dan Ulama As Sebagai Satu Kasta Paderi – Bagaimana Dan Bila Yang Kedua Timbul”, <http://kassimahmad.blogspot.com/>, diakses pada 9 Oktober 2014.
- 70 “Anti-Science Wrong From Islamic Viewpoint”, *The Star*, 1 December 1986.
- 71 “Sistem Pendidikan Kebangsaan Islam”, *Siaran Iqra’*, Jil. 3 Bil. 2, 1995, Hlm. 1.
- 72 *Al-Ikhwan*, Jilid 1, Bil. 6, 1927, hlm. 123.
- 73 “Untung Baik dan Jahat”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 3.; Lihat juga, “Kepercayaan Kepada Taqdir”, *Siaran Iqra’*, Jil. 3 Bil. 1, 1995, Hlm. 2
- 74 “Untung Baik dan Jahat” *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 4.
- 75 “Kedudukan Wanita (Bahagian Pertama)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 1, 1994, Hlm. 3.
- 76 “Kedudukan Wanita (Bahagian Kedua)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 4.
- 77 Untuk perbincangan ini sila rujuk, Mahmoud Mohamed Taha, 1996. *Second Message of Islam*, diterjemah oleh Abdullahi Ahmed An-Na’im. Paperback.; Kassim Ahmad, *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*, Petaling Jaya, Selangor : ZI Publications Sdn. Bhd., 2008, Hlm. 186-187.
- 78 “Kedudukan Wanita (Bahagian Kedua)”, *Siaran Iqra’*, Jil 2, Bil 2, 1994, Hlm. 4.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Aliran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali. 2008. Penguatkuasaan Fatwa pengharaman karya-karya anti hadith di Malaysia: Satu penilaian. *Al-Bayan: Journal of al-Quran and al-Hadith* 6.
- Ahmad Parray. 2011. Islamic Modernist and Reformist Thought: A study of the contribution of Sir Sayyid and Muhammad Iqbal. *World Journal of Islamic History and Civilization* 1 (2): 79-93.
- Al-Ikhwan*. Jilid 1. Bilangan 6, 1927.
- Anon. 1995. Bertindak Tanpa Fatwa Rasmi. *Utusan Malaysia*, 19 Julai
- Anon. 1995. KDN Akan Haramkan Bacaan. *Berita Harian*, 20 Julai.
- Anon. 1995. Othman Boleh Dihukum Mati- Hadi. *Utusan Malaysia*, 19 Julai.
- Anon. 1995. Takrifkan Antihadis Ancam Keselamatan. *Utusan Malaysia*, 21 Julai.
- Anon. 1987. Mufti: Waspada buku yang menolak Nabi. *Berita Harian*, 29 Januari.
- Anon. 1986. Muis haramkan buku Kassim Ahmad. *Berita Harian*, 16 Ogos.
- Anon. 1918. *Munshi Abdullah Papers*. The Burke Library. Union Theological Seminary, New York.
- Azhar Ibrahim Alwee. 2007. *Abdullah Munshi, Kesedaran Islam dan Kolonialisme dalam Seminar Pendidikan*. Singapura: Institusi Pendidikan Nasional Singapura.
- Buku hadith satu penilaian semula oleh Kassim Ahmad. Diakses pada: 1 Januari 2014. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/buku-hadith-satu-penilaian-semula-oleh-kassim-ahmad>.
- Chandra Muzaffar. 2014. Penilaian terhadap perjuangan politik Kassim Ahmad dalam seminar pemikiran Kassim Ahmad: Suatu penilaian. Putrajaya: Yayasan Kepimpinan Perdana.
- Fatwa Tentang Buku “Hadis Satu Penilaian Semula” Oleh Kassim Ahmad dalam *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989*, Warta Kerajaan Selangor, 14 September 1995, Jil. 48. No. 19.
- Kassim Ahmad. 1983. *Universiti Kedua: Dibawah Tahanan ISA*, Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Media Intelek.
- \_\_\_\_\_. 1992. *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Dilema Umat Islam: Antara Hadis Dan Quran*. Pulau Pinang: Forum Iqra’ Berhad.
- \_\_\_\_\_. 2008. *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya : ZI Publications Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 25 Februari 2015. Mantan Pengerusi Jemaah Al Quran Dari Tahun 1993-an Hingga Tahun 1995-an. Temu bual Peribadi. Kulim Hi-Tech, Kedah.
- \_\_\_\_\_. 23 September 2014. Mantan Pengerusi Jemaah Al Quran Dari Tahun 1993-an Hingga Tahun 1995-an. Temu bual Peribadi. Kulim Hi-Tech, Kedah.
- \_\_\_\_\_. 1987. Kaedah saintifik Islam: Jalan keluar daripada kemunduran. *Berita Harian*, 4 Ogos.
- \_\_\_\_\_. 1986. Anti-science wrong from Islamic viewpoint. *The Star*, 1 December.

- \_\_\_\_\_. 2014. Ulama sebagai para saintis seperti yang ditakrifkan dalam Quran dan ulama as sebagai satu kasta paderi – Bagaimana dan bila yang kedua timbul. Diakses pada 9 Oktober. <http://kassimahmad.blogspot.com>.
- Latif, Farasat. 2006. *The Qur'aniyūn of the twentieth century*. Thesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Loughborough.
- M. Amin Abdullah, (t.th). *Studi Agama Noemativitas Atau Historitas?* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mazlan Nordin. 2009. Mahathir, Kassim, dan sosialisme. *Mingguan Malaysia*.
- Mohamed Taha, Mahmoud. 1996. *Second Message of Islam*. Terj. oleh Abdullahi Ahmed An-Na'im. Paperback.
- Rashad Khalifa. 2014. Submitters Perspective. Diakses pada 10 Februari. <http://www.masjiduntucson.org/publications/books/sp/index.html#gsc.tab=0>.
- \_\_\_\_\_. 1981. *The Computer Speaks: God's Message To The World*. Tucson. Arizona: Renaissance Productions International.
- Siaran Iqra'*. Jilid 1. Bilangan 1, Julai 1993.
- Siaran Iqra'*. Jilid 2. Bilangan 1, September 1994.
- Siaran Iqra'*. Jilid 2. Bilangan 2, November 1994.
- Siaran Iqra'*. Jilid 3. Bilangan 1, Januari 1995.
- Siaran Iqra'*. Jilid 3. Bilangan 2, Mac 1995.
- Siaran Iqra'*. Jilid 3. Bilangan 3, Jun 1995.
- Syed Ali Akbar. 2014. Diakses pada 9 Julai. <http://syedsoutsidethebox.blogspot.com/>, 9 Julai.

Md Hasri Bin Rajali  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800, Pulau Pinang, Malaysia.  
E-mail: hasri91@gmail.com.

Diserahkan: 30 Jun 2015  
Diterima: 7 Oktober 2015

